

TARIKH	RABU, 23 APRIL 2025
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	CARI VARIETI BENIH PADI DI LUAR NEGARA
M/S	19
BIDANG	AGRICULTURE
KATA KUNCI	PADDY, VARIETY, MALAYSIA

## Cari varieti benih padi di luar negara

**Alor Setar:** Kerajaan negeri sedang meneliti beberapa varieti benih padi baharu termasuk yang ditanam di luar negara bagi melihat kesesuaiannya ditanam pesawah tempatan.

**Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Pengangkutan negeri, Dzowahir Ab Ghani** berkata, beberapa varieti sudah dikenal pasti memiliki kelebihan tersendiri berbanding benih padi sedia ada dengan kajian lanjut sedang dilakukan.

Katanya, langkah mendapatkan varieti baharu itu adalah usaha kerajaan negeri menghasilkan benih padi sendiri bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan luar.

“Kami sudah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Kajian Pertanian Organik Terpadu (PKPOT) di Malang, Indonesia. Dua varieti, iaitu HMS700 dan HMS70D dikenal pasti untuk kajian lanjut bagi menilai kesesuaiannya ditanam di negeri ini.

“Langkah memperkenalkan



PEMANDANGAN sawah padi menghijau berlalarelakangan Gunung Jerai di Kampung Alor Gelanggang, Yan, Kedah.

kan benih padi baharu ini penting bagi memaksimumkan pengeluaran hasil padi oleh pesawah pada masa hadapan,” katanya ketika menjawab soalan **Muhamad Amri Wahab (PN-Derga)** pada Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) di sini, semalam.

Muhamad Amri bertaanyakan mengenai perkembangan pelan pengeluaran benih padi negeri itu.

Pada November lalu, Kedah mengumumkan has-

rat untuk menjadi negeri pengeluar benih padi bagi menangani isu kekurangan dan kelewatan bekalan benih yang sering membelenggu pesawah.

Mengulas lanjut, Dzowahir berkata kerajaan negeri turut bekerjasama dengan Agensi Nuklear Kebangsaan dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam usaha menghasilkan varieti benih baharu berdasarkan benih sedia ada.

“Kajian dilaksanakan di tapak benih seluas 20.5 hektar di Kampung Sungai Mati, Tobiari, Pendang. Tapak ini dikendalikan syarikat swasta yang bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri bagi menjadikan kawasan itu sebagai pusat pengeluaran benih padi pertama,” katanya.

Beliau berkata, beberapa kawasan baharu dikenal pasti tapak penanaman benih termasuk tanah terbiar di Tualang, Pokok Sena.

DISEDIAKAN  
OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM